

REKABENTUK MODEL SISTEM PENJAMINAN KUALITI BAGI
PROGRAM PENGAJIAN PERINGKAT DIAJAM YANG
BERASASKAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI
DI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

NORLEEZA BT. MUHAMMAD

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

2.3.1 Badan Pengiktirafan Kualiti

Di Malaysia, badan yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan pengiktirafan piawai kualiti ialah Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) dimana kerja-kerja mengaudit akan dilakukan terhadap dokumen-dokumen kualiti dari masa kesemasa.

2.3.2 Kualiti Graduan Kejuruteraan Mengikut Piawaian Institut Jurutera Malaysia

Menurut Mazlan (1998), pelbagai kritikan terhadap jurutera di Malaysia bertumpu kepada perkara-perkara berikut:

- i) kurangnya kemahiran penulisan dan komunikasi;
- ii) kurangnya kemahiran berinteraksi dan pengurusan manusia;
- iii) pendedahan yang terbatas tentang aspek ekonomi, dan
- iv) berpengetahuan sempit.

Menurut beliau, perkara-perkara sebegini sepatutnya telah didedahkan semasa di Institusi Pengajian Tinggi. Berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh *Institute of Engineers Malaysia (2002)*, seseorang yang layak untuk diiktiraf sebagai Jurutera Profesional mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Ketrampilan secara teknikal (*Technically competent*)
- ii) Berkeupayaan untuk menggambarkan (*Able to conceptualise*)
- iii) Berkeupayaan untuk merancang dan mengubah apabila keadaan berubah tetapi masih mengekalkan matlamat perancangan (*Able to plan and modify when situation changes whilst still maintaining the goal of the plan*)
- iv) Ketrampilan di dalam rekabentuk – membentuk fakta, menyusunnya, analisa dan menilainya sebelum membuat kesimpulan (*Competent in design – assemble fact, arranging them, analyzing and judging before drawing a conclusion*)
- v) Kesedaran kos dan berkeupayaan untuk membuat perbandingan kos (*Cost concious and able to make cost comparisons*)

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA*

JUDUL : REKABENTUK MODEL SISTEM PENJAMINAN KUALITI BAGI
PROGRAM PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH YANG
BERASASKAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI DI
SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya NORLEEZA BINTI MUHAMMAD
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Projek Sarjana ini adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)




TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD



Norleeza

(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh

Shariman Mustafa
 (TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap: 4499-J, Lrg. Tok Gading
Jalan Hospital, 15400
Kota Bharu, Kelantan

EN. SHARIMAN MUSTAFA
 Nama Penyelia

Tarikh : 1 Oktober 2002


Tarikh : 1 Oktober 2002

CATATAN:

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika projek sarjana ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh projek sarjana ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Projek sarjana dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

Pengesahan Penyelia

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : EN. SHARIMAN MUSTAFA
Tarikh : 1 Oktober 2002

**REKABENTUK MODEL SISTEM PENJAMINAN KUALITI BAGI
PROGRAM PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH YANG
BERASASKAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI
DI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

NORLEEZA BT. MUHAMMAD

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

OKTOBER 2002

Pengakuan

“Saya akui bahawa karya yang bertajuk ‘**Rekabentuk Model Sistem Penjaminan Kualiti Bagi Program Pengajian Peringkat Ijazah Yang Berasaskan Kejuruteraan Dan Teknologi di sebuah Institusi Pengajian Tinggi**’ adalah projek kajian hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : *Norleeza*

Nama Penulis : Norleeza Binti Muhammad

Tarikh : 1 Oktober 2002

Dedikasi

“Sayangku Yan dan baby Iddin, terimakasih”

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua individu berikut atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan di dalam membantu semasa proses pengumpulan maklumat dan seterusnya penulisan projek sarjana ini dimulai dengan penyelia yang telah banyak memberikan komen serta tunjuk ajar, Encik Shariman Mustafa, Puan Johanisah selaku penggerak kepada maklumat-maklumat sokongan, kesemua Dekan-dekan dan Timbalan Dekan serta para pensyarah kejuruteraan dan tak lupa juga kepada adik-adik pelajar tahun akhir kejuruteraan kerana membantu dalam memberikan maklumbalas untuk soal selidik, semoga dipanjangkan umur kita dapat bertemu lagi di suasana yang berbeza.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mewujudkan cadangan rekabentuk model sistem penjaminan kualiti bagi program pengajian peringkat ijazah yang berasaskan kejuruteraan dan teknologi di sebuah Institusi Pengajian Tinggi. Sistem penjaminan kualiti diwujudkan adalah sebagai suatu alat kepastian kualiti yang dapat menjamin graduan yang dilahirkan benar-benar berkualiti dan mampu untuk memegang tugas sebagai seorang jurutera. Ciri-ciri graduan haruslah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Institut Jurutera Malaysia yang mana graduan harus berwibawa dalam segala aspek sama ada secara teori, kemahiran mahupun komunikasi. Kajian dilaksanakan dengan mempertimbangkan sistem penjaminan kualiti yang telah diguna pakai di institusi-institusi pengajian tinggi kejuruteraan yang lain. Kajian telah mempertimbangkan sistem penjaminan kualiti *Continuous Quality Improvement* (CQI) yang disesuaikan daripada *Total Quality Management* (TQM) untuk digunakan di dalam institusi pendidikan. Beberapa item sebagaimana yang dicadangkan di dalam CQI telah diuji untuk melihat kesesuaiannya untuk menjamin kualiti pelajar ijazah kejuruteraan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Penilaian dilaksanakan dengan menggunakan instrumen soal selidik, skala Likert, pemprosesan dan analisis data untuk membentuk input kepada cadangan model sistem penjaminan kualiti. Dengan itu kajian ini telah menghasilkan cadangan rekabentuk model sistem penjaminan kualiti yang sesuai untuk dibangunkan bagi memastikan kualiti graduan kejuruteraan di KUiTTHO.

Abstract

This research aims to develop a proposal for a model design of a quality assurance system for a degree level study program based on engineering and technology in higher learning institution. The quality assurance system is created as a tool of quality assurance to guarantee graduates are of a high quality and competent of handling tasks as engineers. The characteristics of graduates should fulfil the requirements defined by Institute Engineers of Malaysia of which graduates are capable in all aspects of theoretical, skill and communication. The research is performed by considering quality assurance system that have been used in other higher engineering institutions. This research takes into considerations the Continuous Quality Improvement (CQI) that have been adapted from the Total Quality Management (TQM) to be used in educational institution. Some items suggested in the CQI are being tested to observe the adaptability in assuring the quality of engineering students in Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). The assessment is performed using instrument of questionnaire, Likert scale, processing and data analysis to develop input to the proposed model of quality assurance system. Thus, the research has designed a model for a quality assurance system that is viable to be developed in assuring the quality of engineering graduates in KUiTTHO.

Jadual Kandungan

Bab	Perkara	Muka Surat
	Tajuk	i
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Jadual Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xi
	Senarai Rajah	xii
	Senarai Lampiran	xiii
I. Pendahuluan		
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	1
	1.3 Penyataan Masalah	2
	1.4 Objektif Kajian	2
	1.5 Soalan Kajian	2
	1.6 Kepentingan Kajian	3
	1.7 Skop Batasan Kajian	3
	1.8 Definisi Istilah	4
	1.9 Definisi Pengoperasian	5
II. Sorotan Penulisan		
	2.1 Pengenalan	6
	2.2 Teori Jaminan Kualiti	7
	2.3 Keperluan Penjaminan Kualiti	7
	2.3.1 Badan Pengiktirafan Kualiti	8
	2.3.2 Kualiti Graduan	8
	Kejuruteraan Mengikut	
	Piawaian Institut Jurutera	
	Malaysia	

2.4	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Jaminan Kualiti	9
2.4.1	Sistem Pengurusan	9
2.4.2	Tenaga Pengajar	10
2.4.3	Peruntukan Kewangan	10
2.4.4	Kemudahan Infrastruktur Pembelajaran	10
2.5	Rekabentuk Model Sistem Penjaminan Kualiti Di dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	11
2.5.1	Pembaharuan Dalam Pelaksanaan Kurikulum	12
2.5.2	Pendekatan Pedagogi	13
2.5.3	Persediaan Ke arah Latihan Industri	14
2.6	Langkah-langkah Kearah Penjaminan Kualiti	14
2.6.1	Rekabentuk Model Sistem Jaminan Kualiti	15
2.6.2	Pembentukan Sistem Jaminan Kualiti Untuk Pendidikan Kejuruteraan	16
2.6.3	Kurikulum	16
2.6.4	Pedagogi	17
2.6.5	Penilaian	18
2.7	Model-Model Kualiti Untuk Pengajian Tinggi	18
2.7.1	<i>Transformative Model Of Quality</i>	18
2.7.2	<i>An Engagement Model Of Program Quality</i>	19
2.7.3	<i>University of Learning Model</i>	19
2.7.4	<i>Model for a Responsive University</i>	19
2.7.5	<i>Continuous Quality Improvement</i>	20
2.8	Kesimpulan	21

III. Metodologi Kajian

3.1	Pengenalan	22
3.2	Penentuan Kaedah Kajian	22
3.3	Reka bentuk Kajian	24
3.4	Tempat Dan Sampel Kajian	24
3.5	Instrumen Kajian	24
3.6	Kaedah Pungutan Data	26
3.7	Rekabentuk Soal Selidik	26

3.8	Prosedur Analisis Data	28
3.9	Kajian Rintis	28
3.10	Andaian	29

IV. Rekabentuk Dan Penilaian Model Sistem Jaminan Kualiti

4.1	Pengenalan	30
4.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Rekabentuk Model Sistem Penjaminan Kualiti	30
4.3	Rekabentuk Model Sistem Penjaminan Kualiti	31
4.3.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Sistem Penjaminan Kualiti Yang Dibangunkan	32
4.3.2	Permasalahan Dalam Membina Model	34
4.3.3	Rekabentuk Model Sistem Penjaminan Kualiti	34
4.4	Penilaian Sistem Jaminan Kualiti	35
4.4.1	Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Sistem Jaminan Kualiti	35
4.4.2	Pemilihan Subjek/Sampel Kajian Yang Akan Menilai Model Sistem Jaminan Kualiti	37
4.4.3	Fokus Penilaian	37
4.4.4	Cadangan Pembaikan	37

V. Analisis Data

5.1	Pengenalan	38
5.2	Hasil Kajian	39
5.3	Analisis Data	41
5.3.1	Sistem Jaminan Kualiti Graduan Kejuruteraan Dan Faktor Perkembangan Pensyarah	41
5.3.2	Sistem Jaminan Kualiti Graduan Kejuruteraan Dan Faktor Pengajaran Dan Pembelajaran	42

5.3.3	Sistem Jaminan Kualiti Graduan Kejuruteraan Dan Faktor Latihan Kemahiran	56
5.3.4	Sistem Jaminan Kualiti Graduan Kejuruteraan Dan Faktor Kemudahan	64
5.3.5	Sistem Jaminan Kualiti Kejuruteraan Dan Faktor Jaminan Kualiti	70
5.4	Kesimpulan	71

VI. Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan

6.1	Pengenalan	73
6.2	Perbincangan	73
6.3	Kesimpulan	74
6.4	Cadangan Hasil Kajian	75
	6.4.1 Perspektif Pensyarah	75
	6.4.2 Perspektif Pelajar	76
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	76
6.6	Penutup	77

Rujukan	79
----------------	-----------

Senarai Jadual

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
3.1	Sumber Data	26
3.2	Skala Likert	27
3.3	Tafsiran Skor Min Skala Likert	28
3.4	Kesahan Kajian Rintis	29
5.1	Purata Skor Min Statistik Deskriptif	39
5.2	Statistik Deskriptif Faktor Perkembangan Pensyarah – Pensyarah	41
5.3	Statistik Deskriptif Faktor Perkembangan Pensyarah – Pelajar	42
5.4	Statistik Deskriptif Faktor Pengajaran Dan Pembelajaran – Pensyarah	43
5.5	Kekerapan Kaedah Pengajaran – Pensyarah	46
5.6	Statistik Deskriptif Faktor Pengajaran Dan Pembelajaran – Pelajar	47
5.7	Kekerapan Kaedah Pengajaran – Pelajar	55
5.8	Statistik Deskriptif Latihan Kemahiran – Pensyarah	56
5.9	Statistik Deskriptif Latihan Kemahiran – Pelajar	61
5.10	Statistik Deskriptif Kemudahan – Pensyarah	64
5.11	Statistik Deskriptif Kemudahan – Pelajar	67
5.12	Statistik Deskriptif Faktor Jaminan Kualiti – Pensyarah	70

Senarai Rajah

No. Rajah	Tajuk	Muka Surat
2.1	Proses Penjaminan Kualiti	15
2.2	Carta Alir Pengeluaran	16
3.1	Metodologi Kajian	23
4.1	Rekabentuk Model Sistem Jaminan Kualiti Dalam Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Di Fakulti Kejuruteraan KUiTTTHO berdasarkan <i>Continuous Quality Improvement</i>	36

Senarai Lampiran

Lampiran	Tajuk	Muka Surat
A	Borang Soal Selidik	83
B	Hasil Kajian Rintis	92
C	Hasil Kajian Keseluruhan Pensyarah	97
D	Hasil Kajian Keseluruhan Pelajar	103
E	Carta Alir Kualiti	108

Bab 1

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Sistem penjaminan kualiti dalam Institusi Pengajian Tinggi adalah merupakan aspek penting yang perlu dikaji bagi memantapkan kualiti bakal-bakal graduan yang akan dilahirkan oleh sesebuah institusi berkenaan. Ini bagi memastikan nilai graduan yang dihasilkan akan mampu untuk bersaing dengan pelajar-pelajar lain dalam dunia pekerjaan.

Menurut Ellis (1993), kualiti itu boleh membawa dua makna iaitu pengukuran dan kecemerlangan (Doherty, 1994). Disamping itu dengan arus pemodenan era globalisasi yang sentiasa mengalami perubahan dari segi teknologi memerlukan bakal graduan untuk menyiapkan diri dengan pelbagai kemahiran supaya tidak ketinggalan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sistem penjaminan kualiti merupakan aspek penting yang semakin dititikberatkan di institusi – institusi pendidikan masa kini. Ianya perlu kerana dengan sistem penjaminan kualiti akan menghasilkan pelajar yang kreatif dan inovatif dalam arus perkembangan teknologi yang semakin pesat. Sistem pengajaran berasaskan kecekapan boleh meningkatkan kemungkinan menyediakan pelajar

dengan pengetahuan yang mencukupi untuk sesuatu pekerjaan samada dari segi teori mahupun praktikal.

1.3 Penyataan Masalah

Masalah kajian ini adalah untuk melihat apakah jenis rekabentuk model sistem penjaminan kualiti bagi program pengajian peringkat ijazah yang berasaskan kejuruteraan dan teknologi yang boleh dihasilkan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenalpasti apakah pendekatan jaminan kualiti pelajar yang digunakan di peringkat Ijazah Kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi.
- ii. Mengenalpasti di antara pendekatan-pendekatan jaminan kualiti pelajar tersebut, yang manakah yang paling kerap digunakan oleh pensyarah kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi.
- iii. Membangunkan satu cadangan rekabentuk model sistem penjaminan kualiti pelajar program pengajian peringkat ijazah yang berasaskan kejuruteraan dan teknologi yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran pekerjaan di kalangan bakal-bakal graduan Ijazah Kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi.

1.5 Soalan Kajian

Soalan Kajian bagi penyelidikan ini merangkumi:

- i. Apakah pendekatan jaminan kualiti pelajar yang digunakan di peringkat Ijazah Kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi?

- ii. Pendekatan manakah di antara pendekatan-pendekatan jaminan kualiti pelajar tersebut, yang paling kerap digunakan oleh pensyarah kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi?
- iii. Apakah jenis cadangan rekabentuk model sistem penjaminan kualiti pelajar berasaskan kurikulum kejuruteraan dan teknologi yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran pekerjaan di kalangan bakal-bakal graduan Ijazah Kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi?

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan suatu sistem penjaminan kualiti di dalam mana-mana Institusi Pengajian Tinggi adalah untuk memastikan graduan yang akan dilahirkan mampu bersaing dalam dunia pekerjaan sebenar. Graduan perlu berubah selari dengan arus pemodenan era globalisasi dari segi teknologi. Oleh itu setiap Institusi Pengajian Tinggi perlu mengadakan suatu sistem penjaminan kualiti yang berterusan dan fleksibel bagi menjamin kualiti graduan yang dikeluarkan adalah kompeten dari segala aspek pekerjaan.

1.7 Skop Batasan Kajian

Skop Kajian ini ditumpukan kepada pengendalian jaminan kualiti pelajar berdasarkan aspek-aspek berikut:-

- a. Pendekatan-pendekatan jaminan kualiti pelajar yang digunakan di peringkat Ijazah Kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi.
- b. Pendekatan yang paling kerap digunakan dalam jaminan kualiti pelajar oleh pensyarah Kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi.

c. Rekabentuk model sistem jaminan kualiti pelajar yang berasaskan kejuruteraan dan teknologi yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran pekerjaan di kalangan bakal-bakal graduan Ijazah Kejuruteraan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi.

1.8 Definisi Istilah

Kajian ini berjudul “Rekabentuk Model Sistem Penjaminan Kualiti Bagi Program Pengajian Peringkat Ijazah Yang Berasaskan Kejuruteraan Dan Teknologi di sebuah Institusi Pengajian Tinggi”. Di dalam penyelidikan ini beberapa istilah telah digunakan. Pengertian kepada istilah yang digunakan adalah seperti berikut:-

i. Rekabentuk Model Sistem

Suatu model yang akan dihasilkan bagi dijadikan panduan untuk kegunaan pada masa akan datang.

ii. Penjaminan Kualiti

Merujuk kepada kemahiran dan nilai intelek yang berkualiti. Menurut Deming (1986), kualiti adalah merujuk kepada pengurangan dalam varians (Mayhew, 1990). Menurut Yusof (1996), kualiti adalah jika sesuatu barangan atau perkhidmatan itu memenuhi piawaian spesifikasi yang telah ditetapkan.

iii. Program Pengajian Peringkat Ijazah.

Merupakan pelajar-pelajar tahun akhir yang sedang mengikuti program Ijazah Kejuruteraan 2002/2003 di KUiTTHO

iv. Berasaskan Kejuruteraan Dan Teknologi

Segala bentuk teknologi dan peralatan yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di KUITTHO samada di dewan kuliah, makmal mahupun bengkel.

v. Sebuah Institusi Pengajian Tinggi

Merujuk kepada Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn sebagai sampel kajian dimana ianya adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang menawarkan kursus-kursus kejuruteraan dan pendidikan di peringkat diploma, ijazah, sarjana dan Doktor Falsafah.

1.9 Definisi Pengoperasian

Untuk kajian ini, jaminan kualiti pelajar merujuk kepada lima kriteria di bawah (*Accreditation Board of Engineering and Technology – ABET, 2000*):-

- i. Perkembangan Pensyarah
- ii. Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran
- iii. Tempoh, Waktu Program Dan Kurikulum
- iv. Kemudahan Infrastruktur Pembelajaran
- v. Faktor Jaminan Kualiti

Bab 2

Sorotan Penulisan

2.1 Pengenalan

Walaupun sesuatu kursus tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN), sebuah badan yang bertanggungjawab meluluskan penubuhan sesuatu kursus, mana-mana Institusi Pengajian Tinggi masih perlu berusaha kearah meningkatkan kualiti graduan yang dihasilkan. Peranan Institusi Pengajian Tinggi bukan saja dilihat sebagai sebuah badan yang mengeluarkan sijil-sijil pencapaian pelajar tetapi bertanggungjawab untuk mengembangkan potensi dan kreativiti disamping melatih pelajar-pelajar supaya cekap dan mahir dalam menjalankan pekerjaan tertentu.

Mengikut kajian yang telah dijalankan, belum terdapat lagi penyelidikan yang dilakukan mengenai aspek rekabentuk model sistem penjaminan kualiti pelajar di KUiTTHO. Oleh itu maklumat yang diperolehi di dalam bab ini adalah hasil daripada kajian-kajian terdahulu yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian kes ini. Kualiti merujuk kepada kecemerlangan. Seajar dengan perkembangan ekonomi semasa yang sentiasa mengalami perubahan yang pantas maka negara memerlukan kepada tenaga pekerja yang mahir bagi memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh bakal majikan demi menghadapi persaingan dalam pasaran globalisasi.

Kebanyakan pelajar walaupun lulus dengan cemerlang di dalam peperiksaan akhir adalah tidak menggambarkan bahawa beliau akan keluar dan dapat bekerja dengan berkebolehan. Ini menuniukkan pencapaian akademik adalah tidak

menggambarkan kemahiran dalam pekerjaan. Oleh itu setiap Institusi Pengajian Tinggi adalah bertanggungjawab bagi memastikan bakal-bakal graduan yang dilahirkan adalah benar-benar berkelayakan bukan sahaja dari segi pencapaian akademik tetapi juga dari segi kemahiran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Winter dan Maisch (1996), universiti perlu melahirkan pelajar yang berkemahiran, berkebolehan dan berpengetahuan dalam bidang pekerjaan (*work-based competences*)

2.2 Teori Jaminan Kualiti

Takrifan jaminan kualiti ialah kaedah sistematik untuk mengenalpasti keperluan pasaran dan kaedah-kaedah kerja yang tepat yang dapat memenuhi keperluan-keperluan ini (Freeman, 1993). Jaminan kualiti atau dikenali juga sebagai kepastian kualiti adalah tindakan yang terancang dan tersusun yang perlu dilaksanakan bagi memberikan keyakinan yang mencukupi bahawa produk atau perkhidmatan akan memenuhi keperluan kualiti yang dinyatakan (Mohd Ali, Abdul Manaf dan Mohd Ramli, 1999).

2.3 Keperluan Penjaminan Kualiti

Keperluan kepada kajian tentang penjaminan kualiti perlu dijalankan bagi menyasat mengapakah berlakunya senario penurunan kualiti dengan jumlah lulusan yang dikeluarkan adalah tidak selari. Dalam aspek pengukuran kualiti yang melibatkan penawaran perkhidmatan ianya akan diukur berdasarkan pengetahuan, kemahiran, tingkahlaku, penampilan dan ketepatan masa bagi sesuatu kerja atau tugas yang bakal dilaksanakan untuk majikan.